

# 'Kejayaan hadiah buat keluarga tersayang'

## ► Pelajar susah UMS cemerlang dalam akademik dan pasukan beruniform

UB 27.11.2014 B1

**L**ATAR belakang keluarga yang agak susah tidak menghalang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Kepujian), Fakulti Psikologi dan Pendidikan mencatat nama sebagai pelajar cemerlang Universiti Malaysia Sabah 2014.

Christopher Pok Yong Hao, 23, meraih anugerah kelas pertama pada Majlis Konvokesyen UMS ke-16 selepas cemerlang dalam keputusan akademik sekaligus menerima anugerah berkenaan sejak program Sains Sukan diperkenalkan di UMS pada tahun 2005.

Menyingkap mengenai kesusahan keluarganya, Christopher memberitahu pembiayaan keluarganya selama ini bergantung



**CHRIS** (tengah) bergambar bersama rakan-rakan Palapes Laut.

penuh kepada ibunya yang bekerja sebagai promotor

sejak ayahnya menghidap penyakit strok pada 2010. Menyedari akan

“Saya sejak berumur 13 tahun lagi sudah mulai mencari pekerjaan setiap tibanya cuti sekolah. Di UMS juga, saya menggunakan setiap cuti semester dengan bekerja di mana-mana syarikat yang mempunyai kekosongan bagi meringankan bebanan ibu.



**CHRISTOPHER POK YONG HAO**, 23

tanggungjawab sebagai anak sulung di samping tekad untuk membantu ibu menyara keluarga, dia terus belajar bersungguh-sungguh demi kedua orang tua tercinta.

Tidak ingin melihat ibunya terbebani, dia sering menggunakan masa cuti semester untuk mencari pekerjaan bagi membantu menampung kepayahan ibu yang disifatkannya mempunyai gaji di bawah RM1,000.

“Saya sejak berumur 13 tahun lagi sudah mulai mencari pekerjaan setiap tibanya cuti sekolah. Di UMS juga, saya menggunakan setiap cuti semester dengan bekerja di mana-mana syarikat yang mempunyai kekosongan bagi meringankan bebanan ibu,” katanya yang mempunyai dua adik beradik.

Dia yang mesra dipanggil Chris juga merupakan ahli Pasukan Latihan Pegawai

Simpanan (Palapes) Laut, sebuah pasukan beruniform yang dilatih oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

“Pengalaman menganggotai pasukan Palapes Laut sangat berharga. Di sini kami diajar bagaimana menggunakan masa secara berkualiti selain didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang membentuk disiplin dan nilai jati diri yang tinggi.

“Sebagai ahli Palapes,

kami turut diberi eluan yang saya gunakan membiayai makan minum dan keperluan sepanjang pegajian di UMS,” katanya.

Ketekunan pemuda berasal dari Melaka ini nyata cukup membanggakan kerana pencapaianya yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik malah turut mendapat pengiktirafan Majlis Istiadat Pentaulahan Diraja Pegawai Kadet Palapes Ke-33 baru-baru ini.

Berlangsung di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Chris diumumkan sebagai penerima Anugerah Akademik Terbaik Palapes UMS.

“Saya sangat berterima kasih kepada para pensyarah dan rakan-rakan di UMS yang sentiasa memberi sokongan dan tunjuk ajar kepada saya.

“Lebih-lebih lagi kepada ahli keluarga khususnya ibu saya yang sentiasa bertungkus-lumus untuk menyara kami sekeluarga. Kejayaan ini adalah hadiah untuk ibu dalam keluarga saya sayangi,” katanya ketika ditemui pada Majlis Makan Malam Regimental Palapes UMS di salah sebuah hotel di sini.